



## KENYATAAN TENDER

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** bagi melaksanakan Bekalan berikut:

| NO. TENDER | TAJUK TENDER                                                                                                                                                                            | KOD BIDANG        | TARIKH PENJUALAN DOKUMEN     | TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT TENDER                                                                                | HARGA SENASKAH DOKUMEN | TARIKH TUTUP TENDER                    |
|------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------|----------------------------------------|
| 0040/2025  | CADANGAN PEROLEHAN BAGI MEMBEKAL, MENGHANTAR, MENGUJILARI DAN MENGESAH TAULIAH ENAM (6) BUAH BAS HENTI-HENTI <i>ELECTRIC VEHICLE</i> (EV) LUAR BANDAR UNTUK KEGUNAAN KENDERAAN BAS MARA | 110105 dan 110199 | 19/06/2025 hingga 02/07/2025 | 03/07/2025<br>Pendaftaran :10.00 Pagi<br><br>Anjung Ilmu, Tingkat 4, Ibu Pejabat MARA Jalan MARA, 50609 Kuala Lumpur | RM50.00                | 25/07/2025 (Sebelum 12.00 tengah hari) |

2. Pembekal yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat tender seperti alamat di atas. Sila bawa cop Syarikat yang lengkap bagi memudahkan proses pendaftaran. **WAKIL SYARIKAT** adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat tender dan membeli dokumen. Hanya **PEMILIK SYARIKAT / PENAMA YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** yang dibenarkan menghadiri taklimat tender dan lawatan tapak serta membeli dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN** dan **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** (Jika berkenaan) untuk pengesahan. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak dan taklimat tender tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh MARA semasa menghadiri taklimat tender
3. Pembekal hendaklah mengemukakan sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen.
- i) **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**
- Satu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan **MARA** dan menolak permohonan yang pada tanggapan **MARA** tidak layak.
4. Bayaran dokumen tender boleh dibuat secara **BANK DRAF / KAD DEBIT** atas nama **MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)** serta melalui <https://bayar.maraeps.my> dan wang ini tidak akan dikembalikan. Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen tender bagi setiap tender dan mengemukakan satu (1) tawaran tender sahaja.
5. Dokumen tender boleh didapati pada waktu pejabat (8.30 pagi - 1.00 petang), / (2.00 petang - 4.30 petang) Hari Isnin -hari Khamis, ( 8.30 pagi - 12.15 tengahari), / (2.45 petang - 4.30 petang) Hari Jumaat di alamat seperti di bawah. Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas tempoh ini.
6. Sekiranya pembelian dokumen dibuat melalui **MARAEPS**, dokumen tender hendaklah segera diambil dalam tempoh penjualan dokumen yang ditetapkan. Kegagalan pengambilan dokumen sehingga tarikh akhir penjualan tidak akan dilayan. Kegagalan petender mematuhi syarat ini maka wang pembelian dokumen yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.
7. MARA tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. MARA berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
8. Sekiranya pembekal memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen tender (**hard copy**) yang lengkap selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup tender dan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. Tender** dan **Tajuk Tender** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender seperti alamat di bawah :

**PENGARAH  
BAHAGIAN PENGURUSAN ASET DAN PEROLEHAN  
TINGKAT 2 (KAUNTER TENDER)  
LOT 3.15, IBU PEJABAT MARA,  
21, JALAN MARA, 50609 KUALA LUMPUR**

Sebelum atau pada tarikh tutup tender jam 12.00 tengah hari

9. Dokumen tender yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tender tidak akan diterima dan ditolak. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari boleh dilayari di <https://www.mara.gov.my>
10. Sebarang urusan tender perlu mematuhi Garis Panduan atau Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia atau Majlis Keselamatan Negara.